

BERITA HARIAN

DATE: 7/12/2010

Aliran masuk 'wang panas' belum serius: PM

BH 7-12-2010

Bank Negara pantau kemasukan dana jangka pendek

Oleh Johari Ibrahim
dan Ahmad Farizal Hajat
bhbiz@bharian.com.my

PENGALIRAN masuk 'wang panas' ke negara ini masing belum sampai ke tahap membimbangkan dan kerajaan sedang memantau situasi berkenaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, Bank Negara Malaysia sudah diarah memantau pengaliran masuk dana jangka pendek itu sama seperti dilakukan oleh kerajaan negara lain di rantau ini.

"Bank Negara sedang memantau keadaan itu. Kerajaan negara serantau juga memantau dan ia tidak sampai ke tahap membimbangkan," katanya kepada media selepas melancarkan Talent Corporation di Putrajaya, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika ditanya kemungkinan berlaku ketidakstabilan terhadap ekonomi serantau berikutan tindakan Amerika Syarikat (AS) untuk melaksanakan pelonggaran kuantitatif pusingan kedua.

Pelaksanaan dasar monetari itu akan menyaksikan bank pusat AS meningkatkan penawaran wang yang dianggarkan mencecah AS\$600 bilion.

Menerusi pelaksanaan itu, bank pusat AS membeli kembali sekuriti dan bon kerajaan, sekali gus boleh menyebabkan kadar faedah susut, justeru, mengurangkan kos perniagaan.

Penganalisis berkata, ia dibuat bagi meningkatkan akses rizab sistem perbankan, justeru, diharap dapat merangsang semula ekonominya setelah beberapa langkah lain sebelumnya seperti penurunan kadar faedah dan sebagainya kurang memberi kesan.

Bagaimanapun, suntikan lebih banyak wang ke dalam sistem akan menyebabkan

FAKTA NOMBOR

AS\$600

bilion

Penawaran wang oleh bank pusat AS

penyusutan nilai dolar dan pulangan pelaburan di negara itu berkurangan.

Susulan itu, kata penganalisis, berlaku pengaliran keluar dana dari negara itu dan masuk ke pasaran ekonomi baru muncul khususnya di rantau ini termasuk Malaysia yang mana ekonominya lebih stabil dan memberi pulangan pelaburan yang lebih tinggi.

Pemimpin dan penganalisis beberapa negara dunia kini dilaporkan bimbang dengan perkembangan itu kerana ia dikhuatiri boleh menjejaskan kestabilan ekonomi kerana dana jangka pendek itu boleh ditarik keluar pada bila-bila masa khususnya jika berlaku 'lambakan' modal.

Namun begitu, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, minggu lalu menegaskan, negara mempunyai sistem pengawasan aliran masuk dana yang mantap dan sistematik bagi memantau aliran masuk 'wang panas' berkenaan.

Katanya, selain memantau, Bank Negara turut bekerjasama dengan bank pu-

sat lain di rantau ini khususnya dalam aspek kawalan kemasukan dana asing itu jika ia didapati boleh mengancam kestabilan mata wang serantau dan menyebabkan ketidakseimbangan global.

Ahli Ekonomi Affin Investment, Alan Tan Chew Leong, yakin pasaran domestik berada dalam kedudukan baik menangani risiko aliran masuk 'wang panas' memandangkan negara memiliki rizab berjumlah RM326.455 bilion (AS\$105.8 bilion) setakat 15 November lalu, lebih tinggi berbanding AS\$20 bilion (RM63 bilion) ketika Krisis Kewangan 1997-98.

Sementara itu, Ahli Ekonomi Maybank Investment Bank Bhd, Suhaimi Ilias berkata, setakat ini tahap kemasukan modal jangka pendek ke dalam negara boleh diurus dan tidak berlebihan.

"Ini menjelaskan mengapa Bank Negara tidak perlu melaksanakan langkah kawalan modal. Langkah diambil mencukupi setakat ini," katanya.